

## RON97 naik tiga sen, RON95 dan diesel kekal

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 naik tiga sen seliter, daripada RM2.50 kepada RM2.53 manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter berkuat kuasa jam 12 tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan memaklumkan harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 14 hingga 20 September adalah berdasarkan penepatan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan for-

mula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama masing-masing sepatutnya RM2.23 dan RM2.29 seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu yang mana harga runcit produk petrol RON95 berada pada paras RM2.20 seliter dan diesel pada RM2.26 seliter," katanya dalam

sebuah kenyataan semalam.

Bagaimanapun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter, selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

Menurut kenyataan itu lagi, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh 14 hingga 20 September berjumlah RM68.71 juta.